

20 MAY 2000
Teluk Kemang-Calon
DR MAHATHIR AKAN UMUM CALON BN

PORT DICKSON, 20 Mei (Bernama) -- Calon Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang telah diputuskan dan nama calon itu akan diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Isnin atau Selasa ini.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini berkata pengumuman nama calon itu akan dibuat di Kuala Lumpur.

"Nama calon itu sudah diputuskan dan kini berada di tangan Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas majlis "sembang-sembang dengan rakyat" di pantai Teluk Kemang di sini.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata calon BN itu dilahirkan di Teluk Kemang dan berumur bawah 40 tahun.

Bagaimanapun beliau enggan menyatakan jawatan calon BN itu di dalam MIC serta sama ada calon itu menganggotai MIC di Negeri Sembilan atau negeri lain.

Katanya selepas pengumuman nama calon dibuat, beliau bersama-sama Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad akan membawa calon itu bertemu rakyat kawasan parlimen Teluk Kemang.

Katanya, parti-parti komponen BN bersetuju pengumuman itu dibuat oleh Dr Mahathir yang juga pengerusi BN kerana percaya pengumuman oleh Dr Mahathir akan diterima oleh lebih banyak pengundi di Teluk Kemang.

Penamaan calon bagi pilihan raya kecil Parlimen Teluk Kemang ditetapkan 30 Mei manakala pengundian pada 10 Jun. Pilihan raya kecil itu diadakan ekoran kematian S.A.Anpalangan pada 28 April lepas.

Samy Vellu berkata beliau yakin BN akan mengekalkan kerusi parlimen kawasan itu walau siapapun calon pembangkang bertanding di situ.

Beliau berkata oleh kerana calon BN merupakan anak kelahiran Teluk Kemang, BN mempunyai peluang cerah memenangnya.

-- BERNAMA

AZ FAZ